



## **AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

---

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **LAWATAN KHAS KELUARGA KLIEN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026/1447H**

KAJANG, 12 Mac 2026 - Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) akan membuka satu sesi Lawatan Khas Keluarga atau Penjaga klien AADK yang sedang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) di semua Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara.

Sesi lawatan keluarga ini bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2026/1447H akan bermula pada:

- i. 29 Mac 2026 hingga 2 April 2026  
(Kelantan, Terengganu, Kedah)**
  
- ii. 30 Mac 2026 hingga 3 April 2026  
(Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Johor, Pulau Pinang, Perlis, Sabah, Sarawak)**

Inisiatif ini bertujuan memperkukuh ikatan kekeluargaan klien sambil memberikan sokongan moral yang diperlukan. Lawatan ini juga memberi peluang kepada keluarga untuk menyaksikan sendiri kemajuan positif klien sepanjang mengikuti program RPDI AADK.

Lawatan khas ini juga memberi ruang dan peluang antara keluarga atau penjaga dengan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong kepulihan klien.

Sehubungan itu, AADK meminta semua keluarga atau penjaga yang ingin menyertai sesi lawatan khas ini untuk menghubungi Pegawai Pemulihan di PUSPEN masing-masing menerusi panggilan telefon; mesej pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi *WhatsApp*; surat atau *e-mel* kepada pegawai berkenaan.

Orang ramai juga boleh menghubungi PUSPEN berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sesi lawatan khas ini atau menghubungi Talian Hotline AADK di talian 1-800-22-2235 atau 019-626 2233 (*WhatsApp*) bagi mendapatkan khidmat nasihat atau aduan berkaitan permasalahan dadah.

**#TAMAT#**



**DATO' RUSLIN BIN JUSOH  
KETUA PENGARAH  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**